

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2001/2002

Februari/Mac 2002

HMT 322 – Aspek-aspek Teori Linguistik Am Dan Penerapannya

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM [6]** soalan di dalam **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Soalan nombor **SATU [1]** dan **DUA [2] WAJIB** dijawab. Seterusnya, jawab mana-mana **DUA [2]** soalan yang lain.

Tulis nombor 1 hingga 6 berturutan di muka hadapan buku jawapan anda sama ada soalan tersebut dijawab atau tidak. Beri tanda pangkah di hadapan nombor soalan yang tidak dijawab.

Bahagian A: Soalan **WAJIB** dijawab.

1. Dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai, nilaiakan kesignifikanan sumbangan *Ferdinand de Saussure* dalam analisis data dalam disiplin linguistik.

[30 markah]

2. Teori hubungan simbol, fikiran dan referen telah melahirkan konsep arbitrari. Jelaskan konsep ini dengan menggunakan lima perkara yang berikut:

- [a] tidak mutlak
- [b] darjah
- [c] bukan identiti
- [d] bukan semua
- [e] refleksi kendiri

[30 markah]

...2/-

Bahagian B: Jawab mana-mana **DUA [2]** soalan yang berikut.

3. Jawab [a] dan [b].

[a] Bezakan anggapan dan prosedur analisis fonologi struktur Bloomfieldian dengan analisis fonologi generatif.

[b] Transkripsikan kata-kata berikut dalam lambang IPA dan seterusnya berikan derivasinya dalam fonologi generatif.

memancing
menyuap
mengelap

[20 markah]

4. Bincangkan konsep implikatur dalam teori pragmatik dengan cara mengaitkannya dengan prinsip kerjasama dan maksim pertuturan.

[20 markah]

5. Bandingkan teori pemerolehan bahasa pertama dengan bahasa kedua dari aspek ragam, unsur dan jangka waktu.

[20 markah]

6. Jawab [a] dan [b].

[a] Gariskan dan huraikan apakah titik-titik utama dalam satu program perancangan bahasa yang baik.

[b] Nyatakan dan huraikan apakah anggapan utama dalam kajian sosiolinguistik bahasa Melayu.

[20 markah]